



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KITA MEREKA MALAYSIA, MENYAMBUT 59 TAHUN PENUBUHAN YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN

Kuala Lumpur, 7 Februari – Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara hari ini telah merasmikan **Sambutan Ulang Tahun Yayasan yang ke-59**, sebuah peristiwa bersejarah selari dengan **hari kelahiran Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang ke-122**, Bapa Kemerdekaan dan Perdana Menteri pertama Malaysia.

Memegang prinsip bahawa pendidikan dapat mengubah kehidupan, Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) ditubuhkan bagi memberi sokongan kepada golongan muda Malaysia untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Sejak penubuhannya, **YTAR telah membantu lebih 9,500 belia melalui biasiswa, akses ke pengajian tinggi, dan program kebolehpasaran graduan**. YB Datuk Aaron Ago Dagang turut mengumumkan perkara berikut:

- I. Sejak tahun 2020, **YTAR telah berjaya melaksanakan kerjasama strategik melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU), dengan nilai tajaan berjumlah RM22 juta** merangkumi RM5.8 juta tajaan tunai dan RM16.5 juta melalui pengecualian yuran pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTs),
- II. OSK Foundation dan CIMB Foundation sebagai rakan strategik YTAR bagi program **Closing The Gap**,
- III. Asia Philanthropy Circle, Grab Malaysia, Amalan Setar, IMU University, Sunway Education, Universiti Tunku Abdul Rahman, dan Yayasan MSU sebagai rakan strategik YTAR bagi **program Biasiswa Tunku Abdul Rahman**,
- IV. Accenture Malaysia sebagai rakan strategik YTAR bagi **program FutureReady**.

Sementara itu, beliau turut mengumumkan bahawa **permohonan Biasiswa Tunku Abdul Rahman akan dibuka pada 8 Februari**. Biasiswa ijazah sarjana muda komprehensif ini menyediakan sembilan (9) jenis elaun dan program pembangunan kepimpinan selama dua (2) tahun yang direka untuk melahirkan pemimpin muda.

Permohonan biasiswa ini boleh dimohon melalui laman web rasmi YTAR di www.yayasantar.org.my.

Dalam program ini juga, YTAR telah mengumumkan **tiga (3) orang penerima Anugerah Pingat Tunku** yang menggambarkan nilai-nilai kepimpinan Tunku di samping mencerminkan komitmen tinggi dalam khidmat komuniti kepada masyarakat di Malaysia. **Penerima anugerah telah membawa pulang ganjaran wang tunai dan geran projek mencecah RM50,000. Senarai Penerima Anugerah Pingat Tunku:**

- **Emas:** Melvin Jangga Anak Rupitan, Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) Universiti Malaysia Sarawak
- **Emas:** Ignatius Joel Nathan, Ijazah Sarjana Muda Perundangan, Universiti Malaya
- **Gangsa:** Siti Sara Binti Salimi, Ijazah Sarjana Muda Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya

YTAR mengalu-alukan syarikat korporat, GLC dan individu untuk turut serta dalam misi memperkasa belia Malaysia yang berpotensi tinggi dan berkeelayakan dengan menawarkan tajaan pelajar melalui Biasiswa Tunku Abdul Rahman atau menjalinkan kerjasama dari aspek penawaran karier, pembangunan bakat dan pemindahan ilmu (pementoran). Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai biasiswa atau meneroka peluang kerjasama, layari www.yayasantar.org.my.

Kementerian Perpaduan Negara

7 Februari 2025

Ruj. Fail: KPN.100-9/1/16(5)